

Malaysia, EU sambung rundingan perjanjian perdagangan bebas

Langkah disifatkan perkukuh lagi hubungan ekonomi selepas 12 tahun tertanggung

Brussels: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden Suruhanjaya Eropah (EC), Ursula von der Leyen mengumumkan penyambungan semula rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA).

Pengumuman dibuat sempena lawatan kerja Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan ke Brussels, Belgium selama dua hari berakhir kelmarin, sekali gus melakar detik bersejarah bagi hubungan kedua-dua pihak.

Media sebelum ini melaporkan rundingan dimulakan pada Oktober 2010 yang membabitkan lapan pusingan sehingga September 2012 sebelum ditangguhkan berikutan keraguan Malaysia dalam beberapa aspek seperti mi-

nyak sawit, dasar perolehan, subsidi dan klausa kemampuhan EU.

Dalam satu kenyataan media, Pejabat Perdana Menteri (PMO) berkata, langkah menyambung semula rundingan itu juga menandakan satu pencapaian penting dalam usaha mengukuhkan hubungan ekonomi Malaysia dengan salah satu blok perdagangan terbesar dunia selain mencerminkan komitmen lebih erat dengan Kesatuan Eropah (EU), antara rakan perdagangan dan pelaburan utama bagi Malaysia.

Komitmen bersama

Pencapaian itu juga menggambarkan kekuatan hubungan berterusan antara kedua-dua pihak dan komitmen bersama dalam memupuk kemakmuran ekonomi.

"MEUFTA dijangka membuka manfaat besar yang merentasi pelbagai sektor ekonomi Malaysia, selain mengukuhkan rantaian bekalan global dalam sektor-sektor kritikal.

"Ia berpotensi meningkatkan eksport dari sektor-sektor seperti produk elektrik dan elektronik, minyak sawit dan produk berasaskannya serta peralatan optik dan saintifik ke pasaran EU," katanya.

Selain itu, MEUFTA berkenaan akan turut menjadi pemangkin

dalam menarik pelaburan baharu EU dalam sektor termaju seperti tenaga hijau dan pembuat termaju, selaras dengan matlamat pembaharuan industri dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

Pada 2023, EU adalah rakan dagang keempat terbesar Malaysia dengan nilai perdagangan mencecah RM206.79 bilion.

Bagi tempoh Januari hingga November 2024, perdagangan dengan blok itu juga meningkat 5.2 peratus kepada RM200 bilion, berbanding tempoh sama pada 2023.

Rundingan MEUFTA yang disambung semula itu adalah bukti visi bersama dalam kerjasama ekonomi dan aspirasi untuk membuka potensi perdagangan dan pelaburan.

"Kerajaan Malaysia komited untuk mencapai perjanjian yang seimbang dan menyeluruh kepada semua pihak berkepentingan, di samping memastikan faedah bersama Malaysia dan EU," katanya.

Selain itu, kata PMO, kerajaan akan terus mengadakan libat urus dengan pemain industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memastikan MEUFTA mencerminkan kepentingan nasional dan aspirasi ekonomi Malaysia. BERNAMA



Anwar bertemu Perdana Menteri Belgium

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatan dari Belgium, Alexander De Croo. Perdana Menteri dalam rangka lawatan kerja dua hari ke negara itu.

(Foto BERNAMA)